

11,000 penjawat awam bermasalah

Tidak capai tahap 100 peratus produktif atas faktor kesihatan, prestasi kerja buruk

>>Oleh Nazarali Saeril ^{Hm}
13/2/08
nazarali@hmetro.com.my ^{M/S 22}

SHAH ALAM: Kira-kira 11,000 kakitangan awam pelbagai pangkat serta sektor kini tidak lagi mencapai tahap 100 peratus produktif kerana dibebani pelbagai masalah termasuk kesihatan dan prestasi kerja tidak memuaskan tetapi tidak boleh dikenakan tindakan tatatertib.

Bagaimanapun, berdasarkan pekeliling baru Jabatan Perkhidmatan Awam, golongan terbabit boleh diminta bersara awal jika terus dibebani pelbagai masalah seperti itu bagi memastikan sistem penyampaian agensi kerajaan sentiasa dalam keadaan terbaik.

Presiden Cuepacs, Omar Osman, berkata bagi kaka-

tangan awam yang mengalami masalah kesihatan, prestasi kerja mereka menurun dan pemeriksaan kesihatan yang kerap menyebabkan sering tidak berada di pejabat.

“Kakitangan awam yang mengalami masalah kesihatan akan sering menjalani pemeriksaan kesihatan dan menyebabkan tugas rutin mereka di pejabat tertunggak.

“Ini menyebabkan prestasi kerja mereka menurun selain kakitangan lain terpaksa melakukan tugas itu untuk menggantikan mereka,” katanya kepada Harian Metro di sini, semalam.

Golongan kedua yang tidak boleh dikenakan tindakan tatatertib pula menunjukkan prestasi kerja tidak menggalakkan tetapi tidak mempunyai masalah disiplin.

Menurut Omar, Cuepacs

menolak Skim Pemisahan Sukarela (VSS) untuk kedua-dua golongan berkenaan kerana mereka akan kehilangan pelbagai faedah seperti pencen dan sebagainya.

“Jika mereka bertugas di sektor swasta, (jumlah pampasan) VSS yang diterima adalah tinggi tetapi bagi kakitangan awam, jumlah diterima sedikit saja.

“Oleh itu, bagi memastikan mereka meningkatkan prestasi kerja terbaik, kakitangan terbabit akan diberikan khidmat kaunseling dari semasa ke semasa mengikut keperluan,” katanya.

Kaunseling itu pula hanya akan diberikan terhadap kakitangan awam yang gagal meningkatkan prestasi kerja masing-masing untuk tiga tahun berturut-turut.


Menurut Omar, kaunseling

diberikan bertujuan memastikan mereka tidak berterusan begitu tetapi bukan selama-lamanya mendapat keistimewaan berkenaan.

Ini kerana, jika mereka masih gagal meningkatkan prestasi masing-masing mengikut tempoh diperuntukkan, mereka akan dinasihatkan untuk bersara awal.

“Kaunseling ini sudah berjalan di jabatan kerajaan yang mempunyai masalah itu dan setakat ini, memang ada kakitangan awam diminta bersara awal kerana masalah berkenaan.

“Jumlahnya amat kecil tetapi perlu diambil perhatian serius kerana ia berkaitan sistem penyampaian perkhidmatan awam. Cuepacs berharap kakitangan yang diberikan kaunseling mengikutnya dengan baik dan me-



Kakitangan terbabit akan diberikan khidmat kaunseling dari semasa ke semasa mengikut keperluan”

>>Omar Osman
Presiden Cuepacs

ningkatkan prestasi masing-masing,” katanya.

Menurut Omar, kakitangan awam yang bersara awal pula tidak akan menerima pencen atau faedah lain sehinggalah mereka mencapai umur persaraan.